

Berita Harian 25/09/2010

Akta belum cukup bendung keganasan

KUALA LUMPUR: Pakar bidang kajian konflik, persenjataan dan hubungan strategik antarabangsa, Prof Dr Gerard Chaliand, menyifatkan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) yang dilaksanakan di negara ini masih belum cukup untuk menangani risiko kegiatan kumpulan penganas.

Beliau yang juga Penasihat Pusat Analisis dan Perancangan Kementerian Luar Perancis, berkata Malaysia turut memerlukan pasukan khas menangani kecemasan yang lebih terlatih di samping meningkatkan kemampuan risikannya.

“Kumpulan penganas ini semakin canggih. Mereka bukan saja dari Malaysia tetapi juga mempunyai rangkaian dengan negara jiran.

“Malah, usaha mengekang keganasan memerlukan kerjasama di peringkat antarabangsa. Ia turut memerlukan kerjasama dan profesionalisme dan tugas ini juga mengambil masa kerana kegiatan keganasan akan berterusan untuk bertahun-tahun akan datang dan memerlukan pendekatan yang serius,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas menyampaikan syarahan bertajuk Keganasan: Masa Lalu, Kini dan Masa Depan, anjuran bersama Pusat Rantau Asia Tenggara bagi Menangani Keganasan (SEARCCT) dan Kedutaan Perancis di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar (IDFR), di sini, semalam.

Gerard turut memuji usaha Malaysia mengekang kumpulan penganas, khususnya ketika di bawah era pemerintahan Tun Dr Mahathir Mohamad.

Mengenai Islamofobia, Gerard menyifatkan apa yang berlaku adalah penolakan masyarakat Barat terhadap kumpulan yang menyalahgunakan konsep jihad dalam usaha mereka. Gerard yang juga Pengarah Pusat Eropah dalam Kajian Konflik berkata, masyarakat Barat melihat kumpulan Islam ini memperguna agama Islam untuk kepentingan mereka.

“Kumpulan ini berselindung di sebalik nama Islam memperjuangkan apa yang mereka mahukan sehingga tindakan itu sebenarnya mencemar Islam,” katanya. Tindakan kumpulan ini sebenarnya akan mencetus peperangan,” katanya.